

# 60 TAHUN DBP

## *Meredah Samudera Pemartabatan Bahasa dan Persuratan Melayu di Malaysia*

Pada 22 Jun 2016 genap 60 tahun usia Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) sebagai badan perancang bahasa Melayu yang tunggal dalam negara ini. Jika dinilai dari segi umur manusia, peringkat umur tersebut telah mencapai tahap usia "warga emas" ataupun umur bersara wajib bagi anggota perkhidmatan awam di Malaysia. Namun, usaha pemartabatan bahasa Melayu di negara ini tidak mempunyai notkah penghujung sejak DBP ditubuhkan pada 22 Jun 1956, yang lahir daripada suara keramat rakyat yang pada masa itu mahukan bahasa Melayu dibela di bumi bertuah ini. Hal ini dikatakan demikian disebabkan elemen bahasa merupakan tonggak pembinaan negara bangsa dan merupakan lambang kemerdekaan sejati negara, yakni bebas daripada imperialisme dalam pelbagai bentuk, termasuk imperialisme bahasa oleh negara penjajah.


Pada masa kini dan masa akan datang, DBP perlu terus ampuh dan relevan dalam arus perdana bagi memastikan peranan DBP sebagai badan yang memegang amanah untuk memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu dalam negara akan terus "dimulihkan" oleh seluruh rakyat Malaysia. Malahan, tanggungjawab DBP tersebut juga merupakan "tiang seri" kepada elemen asas, yakni unsur tradisi dalam Perlembagaan Persekutuan seperti yang terkandung dalam Perkara 152. Jika "roboh" salah satu tiang seri tersebut maka akan musnahlah pembinaan negara bangsa sejak negara mencapai kemerdekaan pada 31 Ogos 1957.

Pencapaian Pemartabatan Bahasa dan Persuratan Melayu di Malaysia

DBP telah berjaya memainkan peranan pembinaan bahasa dan persuratan Melayu yang merupakan elemen perancangan korpus dalam konsep perancangan bahasa di sesebuah negara. Dalam hal yang amat penting bagi "memandaikan" rakyat Malaysia ini, DBP mestilah

menyediakan prasarana ilmu yang cukup kepada rakyat. Penyediaan prasarana tersebut dilaksanakan di bawah tiga fungsi utama, iaitu perkamusan, peristilahan dan leksikologi, dan ensiklopedia. Antara "berita kejayaan" program tersebut termasuklah penyusunan kamus ekabahasa, penyusunan kamus bahasa sukuan, penyusunan ensiklopedia dan penyusunan 31 buah daftar, glosari, dan kamus istilah dalam pelbagai bidang ilmu, bermula daripada istilah ukor (1965) sehinggalah penggubalan istilah dalam bidang aeroangkasa, roket, AIDS serta istilah yang relevan dan menyeluruh dalam aspek kehidupan masyarakat pada masa kini. Malahan, DBP juga telah diberikan kuasa tunggal untuk menggubal istilah seperti yang telah termaktub dalam Akta A930 - Akta Dewan Bahasa dan Pustaka pindaan dan peluasan (1995). Tambahan pula, DBP juga menyahut cabaran sistem "langit terbuka" dengan memuatkan hampir sejuta entri istilah, entri perkamusan, peribahasa dan inventori bahasa dan persuratan Melayu lain melalui Portal Rujukan Persuratan Melayu (<http://www.prpm.dbp.gov.my>) bagi memudahkan capaian pihak yang cakna terhadap bahasa Melayu, sama ada dalam dan luar negara.

Selain itu, DBP juga telah mencari "kerabat kerja" dalam negara melalui kerjasama dengan pihak universiti awam tempatan, khususnya berkaitan bidang penyelidikan, ensiklopedia, perkamusan, dan penerbitan buku melalui "program pintar", yakni program penerbitan berpakej bagi menambah keupayaan ilmu pelbagai bidang dalam bahasa Melayu. Selain itu, pemantapan usaha sama bahasa pada peringkat serantau melalui Majlis Bahasa Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia (MABBIM) yang ditubuhkan pada tahun 1972, terus diperkukuhkan bagi mengembangkan bahasa Melayu/Indonesia di negara-negara tersebut bagi mencapai matlamat menjadikan bahasa tersebut sebagai bahasa tamadun tinggi, bahasa ilmu, bahasa sains dan teknologi, bahasa perusahaan, dan bahasa ekonomi. Namun, hakikat sebenar MABBIM bukan sahaja dilihat sebagai kerjasama kebahasaan serantau semata-mata. Sebaliknya, MABBIM merupakan usaha "tautan jiwa" penduduk di Alam Melayu yang selama ini "terpisah" akibat kerakusan pihak penjajah Eropah yang "memfaraidkan" Kepulauan Melayu ataupun Nusantara demi kepentingan politik dan penguasaan ekonomi mereka sehingga Alam Melayu dilihat secara terpisah sejak awal penubuhan negara bangsa selepas negara masing-masing mencapai kemerdekaan sehingga pada masa kini oleh pelbagai pihak. Selain itu, DBP juga terus unggul dalam fungsi pengembangan bahasa dan persuratan Melayu melalui usaha penataran, pemupukan, promosi, pemantapan, pengiktirafan, dan pengukuhan dasar pelbagai sektor dalam negara. Program tersebut dilaksanakan bagi memasyarakatkan bahasa Melayu melalui program "dakwah bahasa" kepada pelbagai kumpulan sasar dalam negara. Program pemupukan dan penggalakan meliputi wacana, ceramah, persidangan, seminar, festival bahasa dan sastera, bengkel, kembara bahasa, dan kemuncaknya akan disepadukan melalui program Bulan Bahasa Kebangsaan (BBK) yang biasanya dirasmikan oleh pucuk kepimpinan negara pada bulan Oktober setiap tahun. Malahan, DBP juga sudah mula "menunjukkan taring" kepada pihak luar melalui program Audit Bahasa Melayu dalam perkhidmatan awam bagi menilai tahap dan mutu penggunaan bahasa Melayu di sektor tersebut. Program ini telah menimbulkan "kegelisahan" dan "kegerantan" pihak-pihak yang selama ini mahu beracah-acah untuk meremehkan fungsi pemerkasaan bahasa dalam negara, khususnya di sektor perkhidmatan awam di Malaysia. Apabila sahaja nama DBP disebut, sudah pasti tergambar objek buku di dalam minda masyarakat Malaysia tanpa mengira



status mereka, khususnya yang mengikut sistem pendidikan dalam negara. Maka wajarlah DBP terus memperkasakan usaha bagi menghasilkan penerbitan yang unggul bagi membangunkan minda dan pemikiran masyarakat. Sehingga kini, DBP telah menerbitkan lebih daripada 591 judul buku bercetak yang terdiri daripada 168 judul buku am baharu, 60 judul buku teks baharu, 151 buku am cetak ulang dan 212 judul buku teks cetak ulang. Sehingga kini DBP juga turut menerbitkan 11 majalah dan empat jurnal bagi mempertajam pemikiran pembaca seperti melalui majalah antaranya termasuklah *Dewan Masyarakat*, *Dewan Bahasa*, *Dewan Siswa*, *Dewan Tamadun Islam* serta *Jurnal Kanun*, *Jurnal Bahasa*, dan *Jurnal Malay Literature*. DBP juga telah mendapat “mandat baharu” daripada pihak kerajaan mulai 1 September 2014 untuk mengambil alih kerja-kerja reka bentuk, pracetak, cetak, pengedaran dan pemasaran selepas khidmat syarikat konsesi penswastan tidak dilanjutkan lagi pada 31 Ogos 2014. Kebebasan ini telah memberikan ruang dan peluang kepada DBP untuk mengorak langkah memperluaskan produk terbitan DBP ke seluruh negara tanpa perlu bergantung pada pihak lain. Peluang ini digunakan oleh DBP dengan mengerakkan Ujana Buku yang telah dirasmikan pada 29 April 2015, di Permatang Pauh, Pulau Pinang. Ujana buku menggunakan konsep pemiagaan buku secara bergerak dan fleksibel melalui van bagi memudahkan dan mempercepat pengedaran dan penjualan buku kepada masyarakat secara langsung. Selain itu, teknik penjualan buku melalui kaedah dalam talian merupakan laman sesawang <http://bukudbp.com>; <http://koopdbp.com.my>; dan <http://lazada.com.my> telah menunjujkan DBP sentiasa mengikut arus perdana teknik pemiagaan terkini di dalam dan luar negara. Pelaksanaan kaedah pemasaran tersebut telah membolehkan DBP keluar dari “zaman gerhana” penyebaran buku

dan produk perkhidmatannya sedikit demi sedikit melalui pendekatan sistem pemasaran yang dilaksanakan.

Cabaran Mendatang Mengharungi Samudera Pemertabatan Bahasa dan Persuratan Melayu di Malaysia

Namun, usaha pemertabatan bahasa Melayu dan pencapaian kemilauan pembinaan dan pengembangan persuratan Melayu pada masa lalu tidak menjanjikan “bulan dan bintang” serta “laluhan sutera” kepada DBP yang diamanahkan oleh rakyat untuk melaksanakan tugas tersebut. Sebaliknya, putaran arus globalisasi yang ganas serta krisis keyakinan terhadap “kehebatan” bahasa sendiri, khususnya dalam kelompok masyarakat elit serta golongan muda menyebabkan DBP tidak boleh hanya berpeluk tubuh melihat revolusi pemikiran yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat yang semakin kompleks dan pelbagai pada masa kini. Oleh itu, mahu tidak mahu, DBP perlu melaksanakan penjenamaan semula untuk menghadapi masa depan yang amat mencabar bagi mengharungi samudera pemertabatan bahasa Melayu yang penuh gelora. Penjenamaan semula merupakan strategi pemasaran dengan melaksanakan perubahan identiti, strategi, simbol, tema yang baharu bagi “mencuri hati” para pelanggan, pihak berkepentingan, dan juga rakyat, khususnya golongan muda supaya menyokong produk dan perkhidmatan yang dikeluarkan oleh sesuatu organisasi. Oleh itu, DBP “wajib” melaksanakan penjenamaan semula bagi memastikan produk bahasa, sastera, dan penerbitan yang merupakan teras keberadaan DBP di negara ini “laku” dan menjadi fenomena kepada masyarakat.

Pertamanya, DBP perlu menambah slogan baharu bagi menarik minat dan memupuk semangat kebersamaan seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira perbezaan latar belakang kaum, kelas sosial, negeri, dan usia

mereka. Antara slogan yang boleh digunakan termasuklah “Bahasa Kebangsaan Milik Kita”, “Bahasa Kebangsaan untuk Semua” yang perlu dipopularkan melalui pelbagai wahana media massa agar slogan tersebut “tersimpul rapi” dalam jiwa setiap rakyat Malaysia. Selain itu, DBP juga perlu meremajakan program yang dilaksanakan bagi menarik golongan muda menyertai kegiatan kebahasaan yang dilaksanakan. Contohnya, DBP perlu menggunakan kumpulan buskers ataupun penghibur jalanan untuk menarik minat golongan muda “mendampingi” program anjuran DBP. Malahan, DBP juga boleh menganjurkan pertandingan mencipta lagu dan lirik yang menggunakan bahasa Melayu yang baik dalam kalangan penghibur jalanan yang menjadi ikon kepada golongan muda. Rancangan Gegar Vaganza 2015 merupakan contoh ideal kejayaan penjenamaan semula. Rancangan tersebut membuktikan bahawa golongan penyanyi “lama” telah dijanamkan semula sehingga mereka mampu “hidup semula” serta dapat menambak rezeki mereka dalam industri muzik dalam negara yang amat mencabar pada masa ini. Program tersebut bukan sahaja mampu “memudahkan” “orang lama”, malahan telah menarik minat golongan muda untuk menyertai fenomena yang telah melanda negara melalui program realiti televisyen tersebut.

Selain itu, DBP juga perlu melaksanakan sinergi dengan mencari “kerabat kerja” yang benar-benar mantap dan dilaksanakan secara tekal, yakni tidak bersifat *ad hoc* semata-mata ataupun hanya mengikut musim. Oleh hal yang demikian, DBP perlu membuat perjanjian yang kukuh dengan pihak yang mampu menarik para belia menyertai program yang dianjurkan oleh DBP. DBP juga perlu sentiasa menjadikan pertubuhan belia, khususnya Majlis Belia Malaysia (MBM) serta pertubuhan belia di bawah bertenak induk belia tersebut sebagai “rakan kongsi aktif” ketika

melaksanakan sesuatu program. Golongan belia mesti dilibatkan secara total dan menyeluruh dalam setiap program yang dilaksanakan agar program tersebut memberikan impak yang besar kepada golongan sasaran, yakni golongan belia yang merupakan bakal pewaris kepimpinan negara ini. Hal ini juga penting bagi memastikan program DBP tidak terlalu hambar dan hanya bersifat “irama klasik” yang hanya menarik minat golongan yang sememangnya mencintai bahasa Melayu. Selain itu, DBP perlu menjadikan Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), yang merupakan sebuah pusat latihan awam di bawah Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), sebagai pihak yang melaksanakan sinergi dengan DBP menggunakan pendekatan NBOs ataupun Strategi Lautan Biru Kebangsaan. Kursus-kursus kebahasaan DBP melalui Akademi DBP perlu diletakkan bersama-sama logo INTAN melalui kursus anjuran bersama yang dilaksanakan di institusi kerajaan dan dengan pihak swasta. Contohnya, kursus berkaitan penulisan dokumen rasmi kerajaan, pihak INTAN menumpukan pengajaran dalam hal yang berkaitan dengan format dan peraturan kerajaan, manakala DBP perlu menumpukan pengajaran berkaitan kebahasaan termasuk unsur kesantunan berbahasa dalam dokumen rasmi kerajaan. Kerjasama ini membolehkan kursus-kursus tersebut dilaksanakan secara meluas dan lebih mantap berbanding kursus yang dilaksanakan secara berasingan oleh agensi tersebut yang kelihatan seperti enau di dalam belukar yang hanya melepakan pucuk masing-masing. Kerjasama kedua-dua agensi “gergasi” ini juga akan menambahkan lagi keyakinan pihak yang mahu menvertai kursus-kursus penulisan dokumen rasmi, yang dianjurkan oleh DBP pada masa-masa akan datang.

Bagi memastikan kelangsungan sesebuah organisasi, kita tidak boleh meminggirkan kepentingan membina kekuatan dalaman kepada kakitangan dalam organisasi

tersebut. Organisasi yang hebat juga tidak boleh terlalu bergantung pada kekuatan organisasi lain yang mempunyai sinergi dengan organisasi tersebut bagi mencapai matlamat sesuatu program. Organisasi yang mahu kekal relevan dalam arus perdana perlu mempunyai staf yang mantap dari segi ilmu teras keberadaan mereka di organisasi tersebut. Dalam konteks DBP, semua staf perlu mempunyai ilmu yang mantap berkaitan bahasa, sastera, dan penerbitan selain ilmu berkaitan pengurusan, bagi memastikan tugas yang dilaksanakan mencapai piawai yang telah ditetapkan oleh organisasi. Hal ini amat penting bagi memastikan staf yang terlibat dalam pemertabatan bahasa dan persuratan Melayu tidak hanya menjadi “pengurus projek” semata-mata, sebaliknya mereka juga perlu mempunyai ilmu yang mendalam dalam bidang tersebut. Selain itu, dalam usia 60 tahun DBP ini, warga kerjanya tidak boleh terus berada di zon selesa, sebaliknya mereka perlu mempersiapkan diri dengan melaksanakan anjakan paradigma bagi melaksanakan inovasi dan kreativiti dalam penghasilan produk dan pelaksanaan program kepada masyarakat. Selain itu, staf DBP perlu mempunyai jati diri yang kuat, iaitu dengan mempunyai sikap “megah bahasa” untuk mengharungi samudera pemertabatan bahasa dan persuratan Melayu yang semakin bergelora. Kegusaran terhadap kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa “mulia” dalam negara timbul disebabkan krisis keyakinan dalam kalangan rakyat, termasuk para pemimpin negara dan arus globalisasi yang amat ganas melanda dunia, khususnya kepada rakyat yang mempunyai “jiwa kecil” dan masih lagi mempunyai mentaliti “hamba” kepada pihak-pihak yang dianggap hebat oleh mereka. Oleh itu, warga kerja DBP perlu bersiap siaga dengan ilmu pengetahuan, keterampilan, personaliti menarik, dan kerap “turun padang” supaya mampu memadamkan segala

kekusaran dan “prasangka” dalam kalangan masyarakat, serta mampu meningkatkan “ghairah” rakyat dalam usaha pemertabatan bahasa Melayu dalam negara. Hal ini begitu penting, menyebabkan Profesor Diraja Ungku Abdul Aziz yang merupakan Pengarah DBP yang pertama pernah menyatakan bahawa, “Kesungguhannya DBP memang memerlukan orang-orang yang berilmu pengetahuan, khususnya dalam bidang bahasa dan sastera, di samping berjaya seni dan sastera yang kental, baik dalam kalangan pengurusan tertingginya, mahupun dalam kalangan kakitangannya di semua peringkat”.

Kesimpulannya, tidak salah DBP tersenyum bangga atas pencapaian yang diperolehi sepanjang tempoh 60 tahun mengharungi samudera pemertabatan bahasa dan persuratan Melayu. Pencapaian tersebut bukanlah “kisah dongeng” yang direka-reka untuk mengaburi mata rakyat. Sebaliknya telah menjadi bukti yang terpahat dalam sejarah pemertabatan bahasa Melayu dalam negara sehingga kini. Namun, pencapaian tersebut bukanlah bermakna DBP boleh mendabik dada. Sewajarnya hari yang bakal mendatang perlu diinsafi dan perlu dilaksanakan muhasabah diri untuk memastikan DBP terus relevan dalam arus perdana dan transformasi sistem pentadbiran negara. Semua pihak perlu menghayati peranan DBP dengan hati yang tulus dan telus. Jika DBP menjadi organisasi yang hebat dan mantap, maka bahasa Melayu yang merupakan tonggak pembinaan tamadun bangsa juga akan terus diperkuatkan dalam negara ini. Sebaliknya jika DBP semakin lemah, maka kedaulatan bahasa Melayu juga akan terus lesu dan mungkin pupus “dibunuh” oleh rakyat sendiri. Oleh itu, semua rakyat perlu bergerak seadegap bagi menyokong hasrat murni DBP memartabatkan bahasa dan persuratan Melayu, serta seterusnya melestarikan fungsi bahasa Melayu sebagai bahasa perpaduan, bahasa pentadbiran, dan bahasa ilmu di negara tercinta ini. Dirgahayu DBP! DB